

SOALAN NO. 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN IGNATIUS DORELL
LEIKING [PENAMPANG]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2017

SOALAN :

YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedia untuk mengumum dan mewartakan "Tadau Kaamatan" sebagai Cuti Nasional.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk menambah bilangan hari kelepasan am yang ada sekarang iaitu antara 13 hingga 14 hari bagi hari kelepasan am Persekutuan dan antara 4 hingga 5 hari bagi hari kelepasan am negeri. Jumlah hari kelepasan am yang dinikmati di Wilayah-wilayah Persekutuan dan negeri-negeri adalah antara 17 hingga 19 hari setahun.

Sekian, terima kasih.